

14 AUG 2002

Pandikar-Bola sepak/I

PANDIKAR AMIN SAMAKAN POLITIK DENGAN PERMAINAN BOLA SEPAK

PUTRAJAYA, 14 Ogos (Bernama) -- Bekas menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia berkata beliau tidak kesal meninggalkan kabinet kerana menyifatkan politik seperti permainan bola sepak, dengan pemain terpaksa berhenti bermain apabila pengadil membunyikan wisel.

"Politik adalah seperti bola sepak. Kalau referee tiup wisel, walau masih bertenaga terpaksa kita berhenti," katanya.

Namun sebagai pemain simpanan yang bersedia untuk bermain, ahli politik berusia 47 tahun itu berkata beliau sedia untuk berkhidmat untuk negara pada masa depan.

"Pokoknya waktu main, jangan main kasar terutamanya dalam keadaan umpamanya bila kita perlu dikeluarkan, kita perlu akur, kita perlu duduk dibangku simpanan untuk sementara waktu.

"Kalau perlu, tak payah pujuk, lain kali hanya beri isyarat, saya akan sentiasa bersedia, Tuan!" katanya pada jamuan tengah hari anjuran Kabinet sempena tamat tempoh beliau sebagai anggota jemaah menteri.

Pandikar Amin melepaskan jawatan itu setelah tamat tempoh sebagai senator pada 19 Mei. Beliau telah berkhidmat sebagai senator selama dua penggal dari 1987 hingga 1989 dan dari 1999 hingga 2002.

Mengimbas kembali peristiwa 36 bulan lepas apabila diminta berkhidmat di peringkat pusat, Pandikar Amin berkata beliau agak keberatan menerima jawatan itu.

Bagaimana sekarang ini, katanya apabila dikenang kembali selama tiga tahun menjadi anggota pentadbiran negara, beliau merasakan dirinya sebagai rakyat Malaysia yang amat beruntung kerana dapat berkhidmat dalam Kabinet dan mempunyai pengalaman yang amat berguna.

"Seperti kata Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), saya akan kehilangan semua yang saya kongsi dengan anda sejak tiga tahun lepas," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan dan peluang kepadanya menjadi seorang Menteri Kabinet.

Sementara itu, semasa bercakap kepada pemberita, Pandikar Amin berkata beliau akan menggunakan segala pengalamannya untuk mengukuhkan perpaduan di kalangan kaum dan agama di negara ini, terutamanya di Sabah.

Pandikar Amin, seorang pemimpin dari suku kaum Iranum, berkata beliau akan terus aktif dalam politik dan menumpukan khidmatnya di kawasanya, Kota Belud, bagi mengukuh perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat.

"Peranan yang saya akan buat ialah sebagai anggota biasa Umno dan yang penting ialah untuk meningkatkan perpaduan di setiap peringkat," katanya yang menubuhkan parti Akar Bersatu pada 1989 yang kemudian dibubarkan secara rasmi pada tahun lepas dan semua anggotanya menyertai Umno.

Beliau berkata apa yang penting dan perlu dilakukan sekarang ialah "kepemimpinan melalui teladan" dengan setiap pemimpin di semua peringkat mengelakkan sebarang perbalahan.

"Jadi kalau pemimpin itu sendiri tidak berbalah, penyokong pun tidak akan berbalah. Sebagai contoh semasa Akar (dibubarkan dan) masuk Umno, semua (anggota) ikut serta," katanya sambil menegaskan bahawa beliau telah mengingatkan para pengikutnya supaya tidak menimbulkan masalah dalam Umno, termasuk berebut jawatan.

Pandikar Amin berkata kepimpinan negara ini akan diwarisi generasi muda akan datang dan yang penting bagi pemimpin sekarang ialah memberikan teladan yang baik untuk dicontohi.

Ditanya apakah yang telah dicapainya sepanjang tiga tahun memegang

jawatan menteri," Pandikar Amin, yang bertanggungjawab terhadap portfolio Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, berkata:

"Kemajuan itu biarlah orang awam yang menilainya. Saya cuma di waktu itu bekerjasama dengan Datuk Bandar yang ada dan pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi memahami hambatan yang dihadapi sama ada pentadbiran atau apa-apa... Di waktu saya di situ saya lebih menekankan untuk bekerja sebagai team work (satu pasukan), itu yang paling penting."

-- BERNAMA

HS ZS LAT